

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	21 JAN 2015

Malaysia tak berdepan defisit akaun semasa

BH - 21/1/2015

Putrajaya: Datuk Seri Najib Razak menegaskan tanggapan bahawa Malaysia bakal berdepan defisit akaun semasa susulan kejatuhan harga minyak mentah adalah tidak benar.

Perdana Menteri berkata, bagi minyak mentah, Malaysia adalah pengeksporth bersih dengan nilai lebih eksport sebanyak RM7.7 bilion bagi tempoh Januari hingga November 2014.

Sementara, bagi produk petroleum pula, katanya, negara adalah pengimport bersih dengan ni-

lai lebih import sebanyak RM8.9 bilion untuk tempoh yang sama.

Justeru, dengan gabungan kedua-dua minyak mentah dan produk petroleum, Malaysia sebenarnya adalah pengimport bersih dengan nilai lebih import sebanyak RM1.2 bilion.

Tanggapan umum salah

"Oleh itu, tanggapan atau persepsi umum selama ini, bahawa Malaysia adalah pengeluar minyak yang 'surplus' atau berle-

bihan, adalah tidak benar.

"Sebaliknya, jika dicampur eksport serta import minyak mentah, dan ditolak produk petroleum, maka, Malaysia sebenarnya, adaJah negara pengimport bersih petroleum," katanya dalam Perutusan Khas Perkembangan Ekonomi Semasa dan Kedudukan Kerajaan Negara di sini, semalam.

Bagaimanapun, beliau menjelaskan, perkiraan itu tidak termasuk gas cecair asli (LNG), yang mana Malaysia masih sebagai negara

pengeksporth bersih.

Najib berkata, situasi negara masih kukuh berikutan kejayaan Malaysia selama ini dalam mempelbagaikan ekonomi sehingga dapat menampung kejatuhan harga minyak.

Beliau berkata, kesan kejatuhan harga minyak dijangka dapat ditampung oleh peningkatan permintaan bagi barangan pembuatan seperti barangan elektrik dan elektronik, produk berasaskan kayu-kayan, produk tekstil serta lain-lain, yang mewakili 76 pe-

ratus jumlah eksport.

Eksport minyak mentah hanyaJah mewakili 4-5 peratus daripada jumlah eksport negara, 'katanya.

"Justeru, kerajaan yakin im-bangan akaun semasa akan kekal mencatat lebih tahun ini, walaupun nilainya mengecil kepada dua hingga tiga peratus daripada Pendapatan Negara Kasar (PNK) 'berbanding 2014, yang mana im-bangan lebih semasa dianggai' mencatat 5.1 peratus daripada PNK," katanya.